

Sedia batalkan rundingan FTA jika terus diugut kuasa besar itu

Malaysia cabar AS

Um- 2/2/2007

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Malaysia hari ini memberi reaksi balas segera kepada ugutan Amerika Syarikat (AS) yang mahukan negara ini menghentikan hubungan perdagangan dengan Iran.

Ugutan AS yang mahu membatalkan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) sebagai protes kepada hubungan dagang itu dijawab secara lantang oleh Datuk Seri Rafidah Aziz: "Saya (pun) bersedia menasihatkan kerajaan supaya membatalkan rundingan FTA itu dengan serta-merta."

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu menegaskan, AS tidak ada hak menghalang Malaysia menjalankan urusan niaga perdagangan dengan mana-mana negara, walaupun setelah negara ini menjalankan FTA dengan mereka.

● Amerika ugut Malaysia - Muka 2

"Saya bersedia menasihatkan kerajaan supaya membatalkan rundingan FTA itu dengan serta-merta kerana AS tidak menghormati syarat-syarat awal rundingan.

"Antara syarat awal rundingan FTA yang dipersetujui antara Malaysia dan AS ialah tiada agenda politik, perjanjian berkenaan berteraskan pasaran dan tiada campur tangan antara kedua-dua kerajaan dalam polisi domestik negara masing-masing," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Menurut Rafidah, Malaysia tidak memerlukan perjanjian itu, sebaliknya AS yang mahu rundingan diteruskan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas amaran anggota kanan Kongres AS, Tom Lantos yang mendesak pentadbiran Presiden George W. Bush menggantung rundingan dengan Malaysia, sebagai memprotes tindakan negara ini menandatangani perjanjian projek pembekalan tenaga dengan Iran.

Lantos yang mengetuai Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan AS mengambarkannya perjanjian RM57.6 bilion (AS\$16 bilion) itu, yang dimeterai bulan lalu antara syarikat milik kerajaan Iran, National Iranian

Oil Company dengan Kumpulan SKS dari Malaysia sebagai sesuatu yang 'sangat' dibenci.

Ekoran itu, Lantos mengirim surat kepada wakil perdagangan AS, Susan Schwab meminta semua rundingan antara kuasa besar itu dengan Malaysia mengenai FTA digantung sehingga Malaysia membatalkan perjanjian yang dicadangkan itu dengan Iran.

Sehubungan itu juga, lawatan timbalan wakil perdagangan AS, Karan Bhatia ke negara ini bagi merundingkan FTA dengan kerajaan Malaysia dipantau dengan teliti oleh ahli-ahli politik AS.

Karan Bhatia pula berkata, satu kekecewa-

Malaysia cabar AS

an besar mungkin timbul mengenai jalinan ekonomi Malaysia dan AS sekiranya FTA yang sedang dirundingkan antara kedua-dua negara tidak berjaya.

Antara tahun 2002-2006, eksport Malaysia mengalami pertumbuhan pada kadar 50 peratus kepada AS\$36 bilion (RM126 bilion) daripada AS\$24 bilion (RM84 bilion), menjadikan AS sebagai rakan dagang terbesar Malaysia.

Mengulas lanjut, Rafidah berkata, kejayaan rundingan FTA seterusnya yang akan memasuki pusingan kelima dan terakhir itu terletak di tangan AS, sekiranya pemimpin negara kuasa ekonomi dunia itu berpendapat perjanjian itu akan menguntungkan kedua-dua negara.

Malaysia, tegas beliau, akan meneruskan hubungan diplomatik serta perdagangan yang baik dan harmoni dengan semua nega-

ra, kecuali Israel selain tidak akan tunduk kepada mana-mana kuasa besar termasuk AS, yang cuba menghalang Malaysia menjalin hubungan politik dengan negara-negara lain, termasuk Iran.

Rafidah berkata, Malaysia yakin rundingan FTA akan tetap diteruskan, kerana kedua-dua negara pernah mengalami 'lobi jahat' seperti itu, sebelum ini.

"AS sebelum ini pernah mengugut untuk membatalkan rundingan FTA atas isu buruh dan alam sekitar, namun ketegasan Malaysia dalam menangani isu-isu berkenaan membolehkan AS akur dan meneruskan rundingan," jelas beliau.